

Newspaper

Berita Harian

Date

24 March 2016

# Tindakan terdesak jatuhkan PM

BH- 24/3/2016

**Kuala Lumpur:** Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad menyaman Datuk Seri Najib Razak disifatkan sebagai langkah terdesak, selepas gagal dalam percubaan mendapat sokongan ahli UMNO menjatuhkan Perdana Menteri menerusi saluran politik.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa, berkata kegagalan itu seeloknya diakui sendiri bekas Perdana Menteri itu, malah beliau juga perlu akur rakyat dan pemimpin UMNO tidak bersamanya.

## Pendekatan politik gagal

"Apabila Dr Mahathir pilih cara ini, maknanya dia sudah gagal pendekatan cara politik dia (untuk menjatuhkan Najib), sebab itu dia memilih cara perundangan. Dalam UMNO dia sudah terbukti tidak berjaya.

"Berdasarkan tuntutan (saman) yang dikemuka, saya rasa ini tidak lebih sekadar untuk dipolitikkan. (Tapi) kita anggap ini sebagai hak dialah, biarlah kalau dia mahu pilih kepada jalan mahkamah sekalipun," katanya selepas mengadakan

pertemuan bersama Biro Publiciti MCA di ibu pejabat MCA di sini, semalam.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak, berkata tindakan terbaru Dr Mahathir menunjukkan beliau berada dalam keadaan terdesak.

Katanya, Dr Mahathir mengambil langkah terdesak sehingga sanggup berbuat apa saja walaupun ia tidak akan memberikan sebarang hasil.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata Dr Mahathir tidak memiliki *locus standi* atau hak perundangan untuk memfailkan saman terhadap Perdana Menteri berhubung kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Katanya, ia berikutan kes itu tidak memiliki kaitan secara langsung kepadanya, sama ada sebagai bekas Perdana Menteri atau rakyat biasa.

Setiausaha Veteran UMNO, Datuk Mustapha Yaakub menyifatkan tindakan terbaru itu jelas membuktikan Dr Mahathir dalam keadaan terdesak

dan hilang kewarasan serta dan pertimbangan.

## Tidak layak digelar negarawan

"Perlakuan Dr Mahathir seperti along yang akan berbuat apa saja untuk mengutip hutang. Beliau tidak layak lagi dipanggil negarawan kerana seorang negarawan mempunyai hemah yang tinggi," katanya.

Dr Mahathir dan dua yang lain mengemukakan saman terhadap Najib berhubung dakwaan salah laku pengurusan kewangan membabitkan 1MDB dan isu derma RM2.6 bilion.

Selain Dr Mahathir, turut bertindak selaku plaintif dalam kes saman itu ialah bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan bekas ahli Wanita UMNO Langkawi, Anina Saadudin.

Writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif difailkan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi semalam melalui firma guaman Tetuan Haniff Khatri, dengan menamakan Najib selaku defendan.



**"Perlakuan Dr Mahathir seperti along yang akan berbuat apa saja untuk mengutip hutang. Beliau tidak layak lagi dipanggil negarawan kerana seorang negarawan mempunyai hemah yang tinggi"**

**Nur Jazlan Mohamed,**  
Timbalan Menteri  
Dalam Negeri